

**PERMOHONAN BAGI SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN (SBPP)
BAGI SESI AKADEMIK 2026/2027**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP)?

Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) adalah merupakan satu skim yang menawarkan pinjaman (bukan biasiswa) kepada pelajar-pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat **Ijazah Sarjana Muda** secara sepenuh masa di institusi pengajian tinggi **dalam atau luar negara** yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam bidang-bidang kursus yang tersenarai di Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026.

2. Dimanakah boleh didapati Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026?

Surat Pemberitahuan bilangan 01/2026 boleh didapati melalui laman sesawang www.moe.gov.bn atau <https://tinyurl.com/SuratPemberitahuanSBPP2026>



3. Bilakah sesi akademik yang ditawarkan bagi permohonan ini?

Permohonan ini adalah bagi sesi akademik 2026/2027 iaitu bagi memasukkan bulan Ogos / September 2026 atau bulan Januari / Februari 2027.

4. Apakah isi kandungan di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026?

lanya mengandungi perkara-perkara berikut:

- Syarat-syarat utama bagi permohonan SBPP termasuk syarat akademik dan tempat pengajian;
- Syarat-syarat tambahan;
- Struktur pinjaman;
- Bayaran balik pinjaman;
- Tatacara permohonan termasuk dokumen-dokumen yang perlu dihantar;
- Permohonan yang tidak dipertimbangkan; dan
- Senarai kursus yang ditawarkan.

5. Bagaimanakah cara untuk memohon SBPP?

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn atau <https://tinyurl.com/BorangPermohonanSBPP2026>



Tarikh pembukaan permohonan akan dimaklumkan melalui media massa, Instagram rasmi Kementerian Pendidikan, Instagram rasmi Jabatan Pengurusan Biasiswa dan laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn.

6. Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan semasa permohonan?

Pemohon hendaklah menghadapkan dokumen-dokumen secara *hardcopy* dan *softcopy* secara berasingan seperti berikut:

i. Menghantar ***hardcopy***

Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara-perkara berikut ke **Kaunter No. 3 (Jabatan Pengurusan Biasiswa), Pusat Perkhidmatan Setempat, Lantai Dasar, Blok C, Kementerian Pendidikan:**

- Salinan borang permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan;
- Salinan borang permohonan HECAS (jika berkenaan);
- Salinan kad pengenalan;
- Borang B (3 keping);
- Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (*certified true copy*) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah;
- Surat pengiktirafan kursus atau program dan tempat pengajian yang dipohonkan oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (MKPK);
- Sistem penggredan (*Grading System*) tempat mengikuti pengajian bagi permohonan pelajar persendirian;
- Isi kandungan kursus (*course content / structure*);
- Salinan surat tawaran tempat pengajian (*Conditional / Unconditional Offer*) - Jika belum menerima tawaran, pengesahan membuat permohonan ke tempat pengajian adalah memadai;
- Tangkap layar ringkasan permohonan UCAS (Universiti UK yang dipohon) (jika berkenaan);
- Salinan slip gaji / rekod pendapatan ibu bapa / penjaga; dan
- Borang deklarasi maklumat SBPP.

ii. Menghantar **softcopy**

Pemohon hendaklah juga menghantar borang dan dokumen yang tersenarai di atas melalui emel ke sbpp@moe.gov.bn.

7. Bilakah tarikh tutup permohonan?

Tarikh tutup permohonan akan dimaklumkan melalui media massa, Instagram rasmi Kementerian Pendidikan, Instagram rasmi Jabatan Pengurusan Biasiswa dan laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn. Permohonan yang diterima selepas jam dan tarikh tutup (lewat) **tidak akan dipertimbangkan**.

8. Bolehkah calon memohon SBPP bagi peringkat Ijazah Sarjana (*Masters Degree*), Ikhtisas (*Professional*) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)?

SBPP hanya ditawarkan untuk permohonan di peringkat **Ijazah Sarjana Muda sahaja**.

9. Bolehkah calon memohon SBPP jika umur sudah melebihi 26 tahun?

Salah satu syarat permohonan adalah umur pemohon **tidak melebihi 26 tahun pada 01 September 2026 (tahun permohonan)**.

10. Bolehkah calon memohon SBPP jika memperolehi gred D bagi salah satu mata pelajaran A level?

Setiap mata pelajaran hendaklah **tidak kurang daripada Gred C**.

11. Bolehkah calon memohon menggunakan gabungan keputusan A level daripada peperiksaan Jun dan November?

Pemohon tidak dibenarkan menggabungkan keputusan daripada sesi peperiksaan yang berlainan. Pemohon hendaklah menghadapkan satu keputusan sahaja (**sekali duduk**) yang mengandungi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik yang memenuhi syarat akademik permohonan.

12. Bolehkah calon memohon jika kelulusan diperolehi melebihi tempoh dua (2) tahun kebelakangan bagi kelulusan A level / *International Baccalaureate (IB)* / *Higher National Diploma (HND)* / *Level 5 Diploma*?

Hanya pemohon yang memperolehi keputusan dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan akan dipertimbangkan. Sebagai contoh: Bagi sesi akademik 2026/2027, hanya keputusan A level / IB / HND / *Level 5 Diploma* yang diperolehi dari tahun 2024 sehingga 2026 sahaja yang diterima.

13. Bolehkah calon yang sedang mengikuti pengajian di dalam atau luar negeri di tahap pengajian yang sama (Ijazah Sarjana Muda) memohon SBPP bagi tahun pengajian seterusnya?

SBPP juga ditawarkan kepada **pelajar persendirian yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda** yang berhajat untuk meneruskan pengajian ke tahun pengajian seterusnya di bawah SBPP. Pemohon hendaklah memperolehi **sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua Atas (2:1) atau sebanding dengannya pada akhir sesi pengajian yang sedang diikuti.**

14. Adakah pemohon dibenarkan untuk memohon lebih dari satu kursus?

Pemohon hanya dibenarkan memohon **satu (1) kursus sahaja.**

15. Adakah pemohon dibenarkan memohon lebih dari satu institusi atau universiti bagi permohonan SBPP?

Pemohon boleh memohon lebih dari satu (1) institusi atau universiti bagi kursus yang sama.

16. Bolehkah pemohon memohon kursus yang tidak tersenarai?

Pemohon boleh memohon kursus yang tidak tersenarai sekiranya mendapat tawaran tempat pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia secara keseluruhan (*Top 20 World Universities*) mengikut kedudukan *QS World University Rankings 2026*. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut akan dipertimbangkan secara *case by case*.

17. Bolehkah memohon kursus yang serupa tetapi berlainan nama kursus?

Permohonan bagi kursus yang mempunyai kandungan (*course content / structure*) yang serupa tetapi menggunakan nama kursus yang berbeza boleh dipertimbangkan secara *case by case*. Walau bagaimanapun, **keutamaan tetap diberikan kepada kursus yang mempunyai nama yang sama seperti yang disenaraikan dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026.**

18. Pemohon yang belum memperolehi sebarang tawaran pengajian dan tidak dapat menghadapkan surat tawaran (*offer letter*) Universiti. Adakah permohonan masih diterima?

Permohonan masih diterima. Pemohon boleh menghadapkan bukti bahawa pemohon telah membuat permohonan ke institusi atau universiti berkaitan, seperti salinan borang permohonan UCAS, emel pengesahan permohonan atau dokumen sokongan lain yang bersesuaian sebagai dokumen sokongan sementara bersama permohonan Biasiswa.

19. Pemohon yang belum memperolehi keputusan rasmi (*official result*) A Level / *International Baccalaureate* (IB) / *Higher National Diploma* (HND) / *Level 5 Diploma* keputusan akhir sesi pengajian yang sedang diikuti semasa tempoh permohonan. Adakah pemohon masih layak?

Pemohon boleh menghadapi **keputusan ramalan (*predicted result*)** atau **keputusan terkini** yang diperolehi daripada sekolah / institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi peperiksaan yang akan diperolehi nanti dan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Pengurusan Biasiswa sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.

20. Apakah kemudahan-kemudahan pinjaman yang dihulurkan di bawah SBPP?

- Bagi yang mengikuti pengajian **dalam negeri**: Kos yuran pengajian (bagi tempoh pengajian yang dipohonkan), kos elaun perjalanan dan kos elaun sara hidup.
- Bagi yang mengikuti pengajian **di luar negari**: Kos yuran pengajian (bagi tempoh pengajian yang dipohonkan), kos elaun perjalanan, kos elaun sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman), tiket penerbangan dan kos Visa.

Walaubagaimanapun, jumlah pinjaman yang dipohonkan untuk dikeluarkan adalah tertakluk kepada keperluan 'peminjam'.

21. Apakah maksud yuran pentadbiran?

Yuran pentadbiran akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan bermula dari 3 bulan selepas tarikh tamat pengajian (mengikut tarikh sijil) pada kadar sebanyak 3% setiap tahun daripada baki pinjaman.

22. Berapakah tempoh pembayaran balik pinjaman SBPP?

Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi 30 tahun dan pembayaran balik boleh dibuat sekali gus (*lump sum*) atau secara ansuran bulanan apabila peminjam mendapat pekerjaan termasuk jika bekerja sendiri. Kadar bayaran balik pinjaman setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada 15% gaji pokok.

23. Apakah syarat mendapatkan insentif SBPP?

- Hendaklah memperolehi **sekurang-kurangnya Kredit C6** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat 'O' Level;
- Hendaklah mendapatkan **keputusan kepujian (*honours*) sekurang-kurangnya Kejujian Kelas Kedua Bawah (*Second Class Lower Honours*)**.

(Sila rujuk Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026 mukasurat 4 dan 5 untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai insentif-insentif.)

Oleh itu, bagi untuk mendapatkan insentif, **pemohon bertanggungjawab** memastikan kursus yang ditawarkan adalah kursus kepujian (*honours*) dan mengambil tahu tatacara permarkahan klasifikasi kepujian (*honours*) Universiti.

24. Apakah kadar insentif yang ditawarkan?

Bil	Kelulusan diperolehi	Kadar insentif
1	<i>First Class with Honours (1st class)</i>	Ditawarkan untuk menukar pinjaman ke Biasiswa Kerajaan
2	<i>Second Class Upper (2:1) with Honours</i>	Membayar 40% dari jumlah pinjaman + 3% setahun yuran pentadbiran
3	<i>Second Class Lower (2:2) with Honours</i>	Membayar 80% dari jumlah pinjaman + 3% setahun yuran pentadbiran

25. Jika graduan memperolehi keputusan Kepujian Kelas Pertama (*First Class Honours*) tetapi tidak mahu menerima tawaran Biasiswa, adakah perlu membayar keseluruhan pinjaman?

Graduan akan ditawarkan untuk membayar mengikut kadar keputusan Kepujian Kelas Kedua Atas (*Second Class Upper Honours*) dan akan ditawarkan membayar balik **jumlah pinjaman sebanyak 40% bersama yuran pentadbiran.**

26. Jika kursus dipohonkan atau diikuti tidak menawarkan program kepujian (*honours*) secara terus, adakah dibolehkan untuk memohon mengikuti program kepujian (*honours*) tambahan (1 tahun) di institusi yang berbeza?

Program kepujian (*honours*) **hendaklah diikuti di institusi yang sama** dengan yang dipohonkan atau sedang diikuti. **Tidak dibenarkan** untuk menjalani kursus kepujian (*honours*) tambahan (1 tahun) di institusi yang berlainan bagi mengikuti program kepujian (*honours*) jika kursus asal tidak menawarkan kepujian (*honours*) tersebut.

Contoh: *Bachelor of Science* di Universiti A diikuti dengan 1 tahun *Bachelor of Science* (*honours*) di Universiti B adalah tidak dibenarkan.

27. Adakah masih mendapatkan tawaran insentif jika kelulusan yang diperolehi Kepujian Ketiga (*Third Class Honours*) atau Ordinary Class (tanpa *honours*)?

Hanya graduan yang mengikuti pengajian yang **mempunyai kepujian (*honours*) sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua Bawah (*Second Class Lower Honours*)** akan ditawarkan insentif SBPP. Maka, graduan yang memperolehi Kepujian Kelas Ketiga (*Third Class Honours*) atau *Ordinary Class* (tanpa *honours*) tidak berkelayakan untuk mendapat sebarang insentif.

28. Adakah semua pemohon akan dipanggil menghadiri temuduga *Multiple Mini Interview* (MMI)?

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri sesi temuduga MMI. Sebelum temuduga tersebut dijalankan, pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri satu taklimat mengenai temuduga MMI.

29. Bolehkah calon pemohon yang sedang berkerja dengan Kerajaan atau mana-mana syarikat swasta memohon SBPP?

Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, open vote atau gaji hari (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 bertarikh 6 September 1988 dan bilangan 10/2006 bertarikh 26 April 2006 adalah dirujuk) dan mana-mana syarikat swasta yang *established*.

30. Dimanakah institusi / universiti yang dibenarkan bagi kursus-kursus yang tersenarai seperti di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 01/2026?

Berikut adalah **contoh-contoh** institusi / universiti yang menawarkan kursus-kursus yang tersenarai. Walau bagaimanapun, ianya **tidak terhad** kepada institusi / universiti yang dinyatakan jika terdapat institusi / universiti yang menawarkan bagi kursus yang sama.

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
1	Bachelor of Science in Aquaculture	Universiti Malaysia Sabah, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Science with Honours (Aquaculture)
2	Bachelor of Science in Aquaculture and Fishery Management	University of Otago, New Zealand (QS 197) - Bachelor of Science majoring in Aquaculture and Fisheries (Tidak menawarkan kursus kepujian (<i>honours</i>))
3	Bachelor of Science in Agriculture / Bachelor of Agricultural Science	University of Reading, UK (QS 194) / Newcastle University, UK (QS 137) - BSc Agriculture
4	Bachelor of Science in Animal Science	Newcastle University, UK (QS 137) / University of Nottingham, UK (QS 97) - BSc (Hons) Animal Science
5	Bachelor of Diagnostic Radiography	- University of Liverpool, UK (QS 147) / University of Leeds, UK (QS 86) - BSc Diagnostic Radiography - University of Exeter, UK (QS 155) - BSc Medical Imaging (Diagnostic Radiography) - Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Diagnostic Imaging and Radiotherapy with Honours
6	Bachelor of Science in Food Science and Nutrition / Food Technology and Nutrition	University of Leeds, UK (QS 86) / University of Surrey, UK (QS 262) / Queen's University Belfast, UK (QS 199) - BSc Food Science and Nutrition
7	Bachelor of Science in Marine Biology	University of Exeter, UK (QS 155) / University of Southampton, UK (QS 87) / University of St Andrew, UK (QS 113) / University of Liverpool, UK (QS 147) - BSc Marine Biology

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
8	Bachelor of Medical Science	- University of Reading, UK (QS 194) - BSc (Hons) Medical Science - Management & Science University, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Medical Sciences (Honours)
9	Bachelor of Science in Nursing	- University of Liverpool, UK (QS 147) BN (Hons) Nursing - Management & Science University, Malaysia (Berdaya saing) - Bachelor of Nursing (Hons)
10	Bachelor of Paramedicine	Curtin University, Australia (QS 183) - Bachelor of Science (Paramedicine) (Honours programme optional - Bachelor of Science (Health Sciences) (Honours) – Paramedicine major)
11	Bachelor in Hospitality and Tourism Management	- University of Surrey, UK (QS 262) - BSc International Hospitality and Tourism Management - Management & Science University, Malaysia (Berdaya Saing) Bachelor in Hospitality and Tourism Management (Hons)
12	Bachelor of Human Resource Management	- University of Manchester, UK (QS 35) – BSc Management (Human Resource) - University of Leicester, UK (TGUG 28) – BA Human Resource Management
13	Bachelor of Maritime Business / Maritime Management	Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Management (Maritime) with honours
14	Bachelor of Supply Chain Management	- Aston University, UK (TGUG 38) – BSc (Hons) Logistics with Supply Chain Management - UCSI, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Arts (Honours) Supply Chain Operations Management
15	Bachelor of Science in Artificial Intelligence	- University of Edinburgh, UK (QS 34) / University of Manchester, UK (QS 35) - BSc (Hons) Artificial Intelligence - Sunway University, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Science (Honours) in Artificial Intelligence

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
16	Bachelor of Science in Cybersecurity / Computer Network & Security	- Lancaster University, UK (QS 141) / University of Warwick (QS 74) - BSc Cyber Security - Sunway University, Malaysia (Berdaya Saing) - BSc (Hons) Information Technology (Computer Networking and Security)
17	Bachelor of Science in Data Science	University of Exeter, UK (QS 155) / University of Warwick, UK (QS 74) / University of Sheffield, UK (QS 92) - BSc (Hons) Data Science
18	Bachelor of Science in Data Analytics	University of Strathclyde, UK (QS 251) - BSc (Hons) Data Analytics
19	Bachelor of Engineering in Manufacturing Engineering	Universiti Sains Malaysia, Malaysia (QS 134) - Bachelor of Manufacturing Engineering with Management with Honours
20	Bachelor of Marine Engineering	- University of Strathclyde, UK (QS 251) BEng (Hons) Naval Architecture and Marine Engineering - Newcastle University, UK (QS 137) BEng Naval Architecture and Marine Engineering
21	Bachelor of Science in Network Technology / Network Engineering	Universiti Malaysia Sabah (Berdaya Saing) - Bachelor of Computer Science with honours (Network Engineering)
22	Bachelor of Engineering in Renewable Energy Engineering / Bachelor of Engineering in Energy Engineering	University of Exeter, UK (QS 155) - BEng Renewable Energy Engineering
23	Bachelor of Engineering in Telecommunication Engineering	Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia (Berdaya Saing) - Bachelor of Telecommunication Engineering with Honours

*QS – QS World University Rankings 2026 / TGUG – Times Good University Guide 2026 / Berdaya Saing – Penarafan SETARA 2022 Malaysia

31. Dimanakah boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan:



+673 2 380019



+673 2 380019



Scholarship.moe.bn



www.moe.gov.bn



Kaunter 3,
Pusat Perkhidmatan Setempat,
Blok C, Lantai Dasar,
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan,
Jalan Airport Lama Berakas, BB3510



Tingkat 5, Blok C
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama Berakas,
BB3510

Disediakan oleh
Jabatan Pengurusan Biasiswa
Kementerian Pendidikan
Januari 2026